

| | | | |
|------------|-------------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Pelabur yakin Lynas tak jejas MCKIP | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 07 Feb 2013 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 192,982 |
| Page No | 5 | Readership | 1,521,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 249 cm ² |
| Journalist | Mohd Zaky Zainuddin | AdValue | MYR 8,430 |
| Frequency | Daily | PR Value | MYR 25,290 |



Pelabur yakin Lynas tak jejas MCKIP

» *Tahu tahap keselamatan projek nadir bumi di Gebeng*

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bharian.com.my

► Bangi

Pelabur China di Taman Perindustrian Kuantan Malaysia-China (MCKIP) di Gebeng, Kuantan, yakin dengan tahap keselamatan di kawasan itu walaupun ia berdekatan dengan Kilang Lynas Advanced Plant (LAMP).

MCKIP yang akan dibangunkan berhampiran projek Lynas yang mencetuskan polemik politik pembangkang dengan dakwaan berbahaya dan berisiko itu, sebaliknya tidak menjejaskan minat pelabur untuk melabur di Gebeng.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Mukhriz Mahathir, berkata pelabur China mengetahui status sebenar projek Lynas dan tahap keselamatannya diperakui di peringkat global.

"Langkah pengurusan Lynas meningkatkan kepatuhan kepada piawai antarabangsa, meyakinkan pelabur tahap keselamatan di Gebeng sebelum memutuskan sebarang pelaburan,"

katanya selepas melancarkan Persatuan Usahawan Mahasiswa Universiti Kuala Lumpur (UniKL) di sini, semalam.

MCKIP yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berjaya menarik pelaburan baru RM10.5 bilion di Gebeng yang terletak dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur, sekali gus membuktikan negara terus menjadi pilihan pelaburan asing.

8,500 peluang kerja

Kemasukan pelaburan baru ke MCKIP, iaitu taman perindustrian berstatus nasional pertama seumpamanya di Malaysia, bukan saja memberi impak besar kepada penajaan pelbagai sektor perniagaan di Pahang, malah menyediakan 8,500 peluang pekerjaan baru.

Daripada keseluruhan komitmen pelaburan di kawasan perindustrian berkembar dengan Taman Perindustrian Qinzhou (QIP) di China itu, lebih RM4 bilion direalisasikan menjelang 2015.

| | | | |
|------------|-------------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Pelabur yakin Lynas tak jejas MCKIP | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 07 Feb 2013 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 192,982 |
| Page No | 5 | Readership | 1,521,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 249 cm ² |
| Journalist | Mohd Zaky Zainuddin | AdValue | MYR 8,430 |
| Frequency | Daily | PR Value | MYR 25,290 |



Mukhriz beramah mesra dengan pelajar selepas **melancarkan Persatuan Usahawan Mahasiswa UniKL** di Bangi, semalam.

[FOTO OWEE AH CHUN/BH]